



JEROME

Labuan perlu dikekalkan status sebagai pulau bebas cukai

LABUAN: Parti Upko Bahagian Labuan memohon agar pelaksanaan peraturan baru Kastam Diraja Malaysia mengenai status pulau bebas cukai perlu diperhalusi dan dipertingkatkan kerana ia akan lebih memudaratkan keadaan ekonomi di Wilayah Persekutuan Labuan.

Malah, menurut Setiausaha Upko Bahagian Labuan Jerome Mijin keadaan itu juga akan menyusahkan masyarakat setempat serta peniaga yang sedia ada di pulau ini.

Beliau yang juga Setiausaha KDCA Labuan berkata sekiranya pelaksanaan itu dikuatkuasakan juga maka Labuan akan menjadi pulau yang sumyi dari segi kehadiran para pengunjung dan pelancong terutama dari tanah besar Sabah yang lazimnya akan datang melawat ke Labuan setiap hujung minggu dan semasa cuti perayaan.

Katanya seperti mana yang telah diumumkan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi semasa lawatan ke Labuan bahawa Labuan akan dikekalkan sebagai pulau bebas cukai, namun demikian peraturan mengenai bebas cukai telah dicadang untuk diubah dan bukan peraturan yang sedia ada akan digunakan.

"Ini bermakna dengan terlaksananya peraturan baru ini nanti akan lebih membebaskan rakyat terutama sekali kepada mereka yang selalu berulang alik ke tanah besar Sabah kerana perlu membayar deposit jaminan atau Security Bon bagi kedudukan yang berkapasiti enjin 2500 ke atas sebelum keluar dari Labuan," katanya dalam satu kenyataan kelmarin.

Jerome berkata bagi pe-